

Memori KORPORAT

UITM DALAM SEJARAH

SEJARAH FAKULTI – KAJIAN SENI LUKIS & SENI REKA

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (Kajian Seni Lukis & Seni Reka) telah ditubuhkan pada Jun 1967 yang dikenali pada mulanya sebagai Kajian Seni Lukis dan Seni Bina yang terlahir dari *foresight* dan semangat penerokaan pengasas-pengasas ITM yang berani menghadapi cabaran mewujudkan sesuatu yang agak sukar ditentukan masa depannya. Pada ketika itu program sebegini hanya terdapat di luar negara sahaja. Seawal permulaannya, kajian ini ditempatkan di sebuah kedai di Petaling Garden, Petaling Jaya dan pada tahun 1970, kajian ini telah berpindah ke Happy Mansion, Seksyen 17, Petaling Jaya memandangkan bilangan pelajar yang semakin bertambah. Jabatan-jabatan yang telah ditubuhkan pada ketika itu adalah Jabatan Seni Halus, Jabatan Seni Reka Grafik, Jabatan Seni Reka Tekstil dan Jabatan Seni Reka Tiga Dimensi.

Pada tahun 1972, Kajian Seni Lukis & Seni Bina telah dibahagikan kepada dua kajian iaitu Kajian Seni Lukis & Seni Reka dan Kajian Seni Bina, Perancangan & Ukur. Memandangkan perkembangan yang pesat pada 1973, Kajian Seni Lukis dan Seni Reka telah dipisahkan dari Kajian Senibina, Perancangan & Ukur dan seterusnya berpindah ke bangunan sedia ada di Shah Alam pada tahun 1982. Sehingga kini, kajian ini telah banyak menghasilkan graduan-graduan yang berjaya dalam bidang mereka ceburi, malahan telah mendapat pengiktirafan yang membanggakan di dalam dan luar negara.

Antara Ketua-Ketua Pengajian/Dekan yang telah berkhidmat bermula dari Kajian Seni Lukis & Seni Bina (1967-1972), Kajian Seni Lukis dan Seni Reka (1972-1996), Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (1997-kini) adalah :

1. En. Ibrahim Ismail	2. En. Mohd Ahmad Hj Hashim (Dr)	3. En. Hashim Hassam (Hj)	4. En. Ahmad Khalid Yusof (Hj)	5. En. Mohd Ahmad Hj Hashim (Dr)	6. En. Zahari Zain @ Dato' Sulaiman	7. Y.M. Raja Zahabuddin Raja Yaacob	8. En. D'zul Haimi Md Zain
1 Jan 1968 – 31 Mei 1975	1 Jun 1975 – 1 Julai 1979	1 Jul 1979 – 1 April 1980	1 Apr 1980 – 31 Mac 1983	1 Apr 1983 – 15 Feb 1985	16 Feb 1985 – 14 Jan 1988	15 Jan 1988 – 31 Dis 1989	1 Jan 1990 – 31 Jan 1993
9. En. Muhamad Tamyez Hj. Bajuri (Dr)	10. Prof. Madya Dr. Abdul Shukor Hashim	11. Prof. Madya Mohamed Sharif Mustapha	12. Prof. Madya Dr. Baharuddin Ujang	13. Prof. Madya Dr. Mustaffa Halabi Hj. Azahari	14. Prof. Dr. D'zul Haimi Md Zain (A.I.S)	15. Prof. Dr. Ruslan Abdul Rahim	
1 Feb 1993 – 1996	1997 - 2001	2002 - 2003	2004 - 2008	2009 - 2014	2015 – 2018	2018 - Kini	



Sumber :

Bangunan Kajian Seni Lukis & Seni Reka Sekitar tahun awal 1980-an

1. Buku ITM Warisan Bangsa
2. Buku Shaping A Dream
3. Buku The MARA Institute of Technology: Yesterday, Today & Tomorrow
4. Buku Documenting A Destiny

5. Laman Web Fakulti Seni Lukis & Seni Reka

Jabatan Arkib Universiti,

Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA

korporatptar@uitm.edu.my / 03-55443173 (P)

Facebook : Jabatan Arkib Universiti

Pemandangan di dalam kelas untuk Kursus Diploma Seni Lukis & Seni Reka (Seramik) pada awal tahun 1970-an.